

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN INSTRUMEN NILAI SOSIAL (INS) REMAJA

Siti Marhamah Kamarul Arifain

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Wan Shahrazad Wan Sulaiman

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Abdul Rahman Ahmad Badayai

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nurul-Azza Abdullah

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding Author's Email: shara@ukm.edu.my

Article history:

Received : 18 June 2021

Accepted : 13 August 2021

Published : 10 September 2021

ABSTRAK

Pembentukan nilai dalam diri remaja amat penting dalam menentukan tindakan mereka. Nilai sosialisasi remaja sering melibatkan persekitaran keluarga, rakan sebaya, jiran dan masyarakat. Pendedahan nilai sosial yang baik dapat melindungi remaja untuk tidak terjebak dengan masalah sosial. Di Malaysia, terdapat beberapa instrumen untuk mengukur sikap, nilai dan moral namun kebanyakan instrumen nilai ini tidak menyatakan prosedur pengukuran yang jelas. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk membangunkan dan menguji kualiti penilaian Instrumen Nilai Sosial Remaja melalui kesahan kandungan, kesahan konstruk dan analisis kebolehpercayaan ketekalan dalaman. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan iaitu pengedaran soal selidik yang mengandungi maklumat demografi dan nilai sosial remaja terhadap 100 orang remaja yang berumur 13 hingga 17 tahun. Analisis alfa Cronbach dan analisis penerokaan faktor digunakan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan instrumen ini. Hasil analisis faktor mendapati tiga faktor dengan nilai eigen dan peratusan varian yang diterima iaitu 42.01%. Kesemua tiga faktor mempunyai nilai muatan faktor yang baik di antara .352 hingga .775. Analisis kebolehpercayaan juga mendapati nilai alfa Cronbach bagi ketiga-tiga faktor ini adalah sederhana tinggi dan memuaskan iaitu di antara .623 hingga .806. Pembinaan instrumen ini

menunjukkan bahawa nilai semangat kemasyarakatan, hormat menghormati dan kasih sayang merupakan dimensi yang sangat penting di dalam diri remaja. Melalui instrumen ini, ia memberi peluang kepada pihak kerajaan atau agensi-agensi yang berkaitan untuk membantu remaja dalam memperkasakan nilai sosial melalui program-program bersama dengan masyarakat dan komuniti. Justeru, instrumen ini juga boleh digunapakai untuk remaja berisiko yang berada di sekolah-sekolah dan juga remaja delinkuen di pusat-pusat pemulihan untuk mengukur dan menaksir nilai dan tingkah laku mereka.

Kata kunci: Kesahan, Kebolehpercayaan, Instrumen Nilai Sosial, Remaja

DEVELOPMENT AND ASSESSMENT OF SOCIAL VALUES INSTRUMENT (INS) FOR ADOLESCENTS

ABSTRACT

The formation of values in adolescents is very important in determining their actions. Adolescent socialization values often involve the environment of family, peers, neighbours and society. Exposure to good social values can protect adolescents from social problems. In Malaysia, there are several instruments measuring attitudes, values and morals but there are not many studies discuss clearly their measurement procedures. Therefore, this study was conducted to develop and assess the qualities of Social Values Instrument for adolescents through content validity, construct validity and internal consistency analysis. This study employed a survey design by administering a questionnaire consisting demographic information and Social Values Instrument to 100 adolescents aged 13 to 17 years old. Internal consistency analysis using Cronbach alpha and Exploratory Factor Analysis (EFA) were used to evaluate the reliability and validity of the instrument. Results of exploratory factor analysis extracted three factors with good eigen values and percentage of variance explained (PVE) with PVE total of 42.01%. All the factors have good factor loadings between .352 to .775. Reliability analysis also showed satisfactory Cronbach alpha for all three dimensions from .623 to .842. The development of this instrument shows that the values of community spirit, respect and love are very important values in adolescents. This instrument provides an opportunity for the government or related agencies to help adolescents in empowering social values through relevant programmes with the community. Thus, this instrument also can be used for high-risk adolescents and delinquent adolescents in rehabilitation centres to measure and assess their values and behaviour.

Keywords: *Validity, Reliability, Social Values Instrument, Adolescents*

PENGENALAN

Faktor-faktor persekitaran sosial mampu mempengaruhi proses pembentukan tingkah laku remaja (Azhar, 2006). Persekitaran sosial remaja sering melibatkan ibu bapa, rakan sebaya, jiran masyarakat, media massa dan ekonomi (Zakaria et al., 2012; Johnson et al., 2016). Persekitaran yang tidak menyokong remaja menjadi punca kepada isu keruntuhan akhlak terutamanya remaja yang sedang mengalami krisis identiti (Marcia, 2002). Di Malaysia, banyak kajian mendapati remaja masih terjebak dengan masalah sosial. Menurut Mohd Adli (2010), remaja kini hidup dalam keadaan bebas bersosial yang menginginkan keseronokan semata-mata sehingga tidak mampu membuat keputusan yang rasional. Hal ini diperlihatkan melalui kes-kes kesalahan yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK, 2019) mendapati seramai 33.1% remaja berumur 13 hingga 19 tahun terjebak dengan dadah berbanding hanya 6.7% dewasa berumur 19 hingga 39 tahun dan 19.9% individu berumur lebih 40 tahun. Seterusnya, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2018), kesalahan berulang kanak-kanak melakukan jenayah meningkat sebanyak 37.5% kepada 675 kes berbanding tahun sebelumnya. Manakala peratusan tertinggi kesalahan jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak adalah kesalahan dadah (1744 orang), bersabit harta benda (1403 orang), diikuti kesalahan bersabit dengan orang (692 orang) (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018). Keruntuhan moral dan gejala sosial ini jelas digambarkan melalui data tersebut. Ia secara tidak langsung memberi kesan kepada negara dalam membentuk generasi yang mempunyai nilai, moral dan berakhlak yang unggul.

Pembentukan identiti mempengaruhi nilai, pandangan dan sikap yang dipegang oleh remaja. Setiap individu mempunyai nilai-nilai yang berbeza bergantung kepada kelompok sosial seseorang (Zurina et al., 2006). Nilai merupakan asas kepada kehidupan manusia yang bermakna melibatkan prinsip, standard dan penilaian seseorang. Menurut Halman dan deMoor (1994), kebanyakan saintis sosial melihat nilai sebagai motivasi yang abstrak yang membimbing, membenarkan atau menerangkan tentang sikap, norma, pendapat dan tindakan seseorang. Nilai juga dianggap boleh memberikan kuasa ramalan dan penjelasan dalam memahami sikap, pendapat dan tindakan. Nilai boleh mencerminkan perubahan sosial utama dalam masyarakat dan di seluruh negara (Torres, Schwartz & Nascimento, 2016). Menurut Torres et al. (2016) lagi, terdapat juga sumber lain yang memberi fokus kepada nilai melalui pengalaman sosial. Pengalaman yang dilalui oleh individu adalah berbeza dalam struktur sosial mereka seperti pendidikan, umur, jantina, pekerjaan dan lain-lain yang mempengaruhi keutamaan nilai mereka (Inglehart, 1997). Menurut Jardim et al. (2017), nilai diertikan sebagai kriteria panduan dalam pemilihan seseorang dalam pembentukan personaliti atau pembuatan keputusan.

Rohan (2000) berpendapat nilai sosial dilihat sebagai tindakbalas persepsi orang lain terhadap kumpulan nilai sosial seseorang, sama ada mungkin sesuai atau tidak dengan nilai sebenar orang lain. Orientasi nilai dalam diri remaja selalunya dibentuk hasil daripada proses sosialisasi yang diterima melalui maklumat sosial atau dunia psikologi remaja itu sendiri. Proses pembentukan

nilai dalam generasi muda ini membawa perubahan dalam masyarakat. Perubahan ini melibatkan hubungan ekonomi, spiritual dan hubungan dengan orang ramai (Jovkovska & Barakoska, 2014). Manakala menurut Shoba dan Kala (2015), nilai terbentuk seawal umur individu yang dipengaruhi oleh ibu bapa, guru, rakan-rakan dan sebagainya. Pembentukan nilai juga dipengaruhi oleh faktor budaya kenegaraan, gaya keibubapaan, intervensi pendidikan, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh persekitaran yang berkaitan. Yahya dan Rozita (2003) berpendapat pengamalan nilai-nilai sosial dalam kalangan remaja dapat menentukan seseorang remaja itu berjaya memperolehi ilmu dan kemajuan dalam latihan profesionnya dengan tahap disiplin yang tinggi sehingga melahirkan pelajar yang jujur dan amanah serta berakhlak mulia.

TINJAUAN INSTRUMEN NILAI

Rokeach (1973) merupakan tokoh pertama yang memperkenalkan konsep nilai melalui pembinaan instrumen *Rokeach Value Survey* (RVS) dan digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Namun, kajian sekarang juga telah banyak menambahbaik instrumen tersebut dalam konteks pekerjaan dan pendidikan. Selain itu, Braithwaite dan Law (1985) adalah antara pengkaji awal yang membuat pengujian psikometrik ke atas RVS untuk meneliti sejauh mana 36 item tersebut menyediakan maklumat komprehensif yang mewakili domain nilai. Namun ada beberapa kelemahan RVS yang timbul contohnya, Rokeach (1973) juga telah membezakan nilai kepada dua bahagian yang menyebabkan responden keliru dalam membezakan nilai peribadi (*sense of accomplishment*) dengan nilai sosial (*world of peace*) kerana ia tidak mempengaruhi antara satu sama lain. Responden juga keliru untuk memberi respon sama ada berdasarkan kepercayaan atau tindakan dalam mencapai sesuatu matlamat. Pengkaji-pengkaji juga mendapati RVS telah mengabaikan domain dalam perkembangan fizikal dan kesejahteraan psikologi. Namun penggunaan RVS ini sangat popular dan telah digunakan serta juga digunakan dalam konteks budaya pekerjaan (Braithwaite & Law, 1985; Barney, 1991; Woodward & Shaffakat, 2014; Tuulik, et al., 2016) serta pelajar (Asmah Bee & Iran Herman, 1989; Joseph, 1997; Bhasah & Akma, 2004; Jovkovska & Barakoska, 2014).

Seterusnya, wujud juga alat ujian *Potrait Values Questionnaire* (PVQ) yang dibina oleh Schwartz (2005) untuk mengukur 10 domain nilai motivasi universal berasaskan Teori Rokeach (1973). PVQ merangkumi potret lisan (*verbal potrait*) yang ringkas terhadap 40 individu yang berbeza. Potret lisan ini adalah untuk menggambarkan apa yang penting untuk individu serta memfokuskan kepada matlamat dan aspirasi untuk mewakili sesebuah nilai. Selain itu, banyak kajian menggunakan *Schwartz Value Survey* (SVS) (Karppinen & Karhonen, 2013; Doring, 2010) dan PVQ berasaskan Teori Nilai Motivasi Schwartz. Kajian Doring (2010) menggunakan SVS misalnya mengukur nilai kanak-kanak dan perkembangannya dalam konteks pendidikan. Selain daripada itu, pengkaji di Barat telah membina beberapa instrumen nilai iaitu nilai peribadi (Livazovic & Jukic, 2017; Toner et al., 2012; Verma & Talawar, 2016), nilai budaya yang merangkumi pelbagai aspek seperti nilai-nilai

keluarga, nilai kebendaan, nilai pencapaian, nilai sosial etnik dan nilai keadilan sosial (Knight et al., 2016; Perez et al., 2015; Telzer et al., 2015) dan juga nilai keagamaan (Ciarrochi et al., 2007). Kebanyakan instrumen ini ditadbir kepada remaja sekolah dan remaja berisiko antara lingkungan umur 12-19 tahun.

Kajian-kajian di Malaysia banyak berkisarkan moral dan nilai murni yang membawa kepada masalah sosial remaja dan pelajar di Malaysia, yang turut menyumbang kepada keluarga, rakan sebaya dan persekitaran pendidikan. Namun, masih kurang kajian yang berfokus kepada nilai sosial dalam diri remaja delinkuen di Malaysia. Kebanyakan kajian yang dilakukan juga hanya menyorot kepada kajian-kajian lepas dan kebanyakannya tidak membincangkan dengan jelas instrumen yang digunakan. Pengkajian tentang nilai ini kebanyakannya berfokuskan kepada remaja di sekolah (Mohamad Khairi, 2013; Mohamad Khairi et al., 2015; Zamli et al., 2015) dan penghayatan nilai pelajar di dalam kelas semata-mata (Hussin, 1989; Bhasah & Akma, 2004; Zakaria et al., 2012; Rahman et al., 2016). Berdasarkan instrumen yang telah sedia ada, kebanyakannya telah direka oleh negara Barat dan kurang bersesuaian dengan budaya di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Menentukan kesahan kandungan melalui penilaian kesesuaian item dengan konstruk nilai sosial.
- ii. Menilai kesahan konstruk instrumen nilai sosial melalui analisis penerokaan faktor.
- iii. Menilai kebolehpercayaan instrumen nilai sosial.

METODOLOGI

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian yang dijalankan ialah berbentuk korelasi iaitu dengan menggunakan pendekatan kaedah keratan rentas (*cross-sectional design*) dengan mengedarkan maklumat demografi dan Instrumen Nilai Sosial kepada responden. Kaedah ini melibatkan perbandingan berdasarkan perbezaan dalam sesuatu kumpulan, tetapi kesemua kumpulan yang terlibat diukur dalam satu jangka masa yang sama (Stangor, 2015; Creswell, 2009). Menurut Gillham (2000), penggunaan kaedah ini juga mampu menjimatkan kos dan masa yang diperuntukkan adalah singkat. Selain itu, kelebihan kaedah ini adalah memudahkan kajian dilakukan dengan lebih mendalam dan tepat terhadap faktor-faktor penyumbang kepada tingkah laku delinkuen remaja, dan membolehkan pengkaji memperolehi responden yang ramai dalam tempoh masa yang singkat (Creswell, 2009; Sekaran & Bougie, 2010).

Responden Kajian

Pengkaji telah mentadbirkan soal selidik terhadap 100 orang remaja. Ia bersesuaian dengan jumlah sampel melalui analisis faktor penerokaan iaitu sekurang-kurangnya 100 sampel (Zainudin, 2012; Pearson & Mundform, 2010). Pengkaji juga telah melebihi jumlah minimum sampel di mana menurut pandangan Hair et al. (2010), penentuan saiz sampel adalah dengan menggunakan nisbah 5:1 iaitu lima responden untuk setiap item atau konstruk. Pengkaji membuat pemilihan responden adalah remaja yang berada di dalam lingkungan 13 tahun hingga 17 tahun. Remaja di sekolah ini adalah dalam kategori remaja berisiko kerana mempunyai ciri-ciri seperti tahap status sosioekonomi keluarga yang rendah, sukar mendapat pendidikan yang baik serta berhadapan dengan beberapa tekanan dalam kehidupan (McWhirter, 2016). Kebanyakan remaja di sekolah ini adalah daripada keluarga yang mempunyai pendapatan kurang daripada RM 4360 dan dikategorikan sebagai golongan B40 oleh kerajaan Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017) (Rujuk Jadual 1).

Instrumen Kajian

Instrumen dalam kajian ini mempunyai dua bahagian. Bahagian A adalah maklumat demografi yang mengandungi jantina, umur, bangsa, pekerjaan ibu bapa dan jumlah pendapatan keluarga. Bahagian B pula mengandungi item-item untuk mengukur nilai sosial remaja melalui Instrumen Nilai Sosial.

Pengkaji telah melakukan beberapa langkah untuk membina Instrumen Nilai Sosial iaitu melalui kajian lepas, menyenaraikan teori-teori yang berkaitan dan merujuk alat-alat ujian sedia ada untuk pembinaan item yang bersesuaian. Seterusnya, pengkaji telah melantik pakar bidang untuk menilai kesahan kandungan instrumen sebelum melakukan kajian rintis (Faizal & Wei, 2017; Che Nidzam et al., 2014; Reynolds & Livingston, 2012). Pengkaji telah membina instrumen nilai sosial berdasarkan kepada Teori Nilai Schwartz (1987) dan telah mengenalpasti sebanyak 27 item melalui lima konstruk nilai sosial di dalam instrumen ini iaitu kebajikan (item B1-B5), keuniversalan (item B6-B13), keselamatan (item B14-B18), keakuran (item B19-B22), dan tradisi (item B23-B27). Skala likert 5 poin telah digunakan daripada 1= sangat tidak menggambarkan saya, 2= tidak menggambarkan saya, 3= kadang kala menggambarkan saya, 4= menggambarkan saya dan 5=sangat menggambarkan saya.

HASIL KAJIAN

Profil Demografi

Jadual 1 menunjukkan taburan ciri-ciri responden kajian. Kebanyakannya adalah responden perempuan (57%), berumur 16 tahun (30%) berbangsa Melayu sebanyak 59%, yang mempunyai ibu bapa bekerja dalam sektor awam (33%) dan

dikategorikan sebagai berpendapatan rendah iaitu mempunyai pendapatan keluarga kurang daripada RM 4360 (80%).

Jadual 1: Maklumat Demografi Responden

Pembolehubah	Ciri-ciri	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	43	43
	Perempuan	57	57
	JUMLAH	100	100
Umur	13 tahun	4	4
	14 tahun	24	24
	15 tahun	23	23
	16 tahun	30	30
	17 tahun	19	19
	JUMLAH	100	100
Bangsa	Melayu	59	59
	Cina	9	9
	India	32	32
	JUMLAH	100	100
Pekerjaan IbuBapa	Sektor Awam	33	33
	Sektor Swasta	32	32
	Bekerja Sendiri	27	27
	Tidak Bekerja	8	8
	JUMLAH	100	100
Jumlah Pendapatan Keluarga	< RM 4360	80	80
	RM 4361 hingga RM 9619	17	17
	RM 9620 ke atas	3	3
	JUMLAH	100	100

Keputusan Kesahan Kandungan

Matore et al. (2017) menyatakan terdapat beberapa cara dalam pengiraan kesahan kandungan secara kuantitatif antaranya adalah dengan pengiraan menggunakan Skala Persetujuan Cohen Kappa (Cohen, 1968), Tinsley-Weiss T Index (Tinsley & Weiss, 1975) dan $r^*WG(J)$ oleh Lindell, Brandt dan Whitney (1999). Namun kaedah ini hanya berfokus kepada persetujuan panel pakar secara umum. Terdapat beberapa perdebatan antara pengkaji lepas tentang pemilihan panel pakar seperti lapan orang panel pakar, sembilan orang panel pakar dan sepuluh orang panel pakar (Ishra & Anda, 2007; Baheiraei et al., 2013). Malah terdapat juga pengkaji yang menyatakan bahawa semakin ramai pakar adalah semakin baik kesahan kandungan yang dapat dinilai iaitu pakar yang melebihi 30 orang pakar (Aksorn & Hadikusumo, 2007). Namun, Lawshe (1975) dan Rubio et al. (2003) mencadangkan sekurang-kurangnya tiga hingga empat orang pakar sudah memadai untuk menilai kesahan kandungan sesebuah instrumen serta turut

mencadangkan nilai minimum CVR bagi 5 orang panel adalah sebanyak .99. Namun, di dalam kajian ini kebanyakan item tidak mencapai nilai CVR seperti cadangan Lawshe (1975).

Berdasarkan kepada teknik pengujian kesahan kandungan oleh Lawshe (1975) dan Rubio et al. (2003), instrumen ini telah dinilai oleh lima pakar dalam bidang yang bersesuaian. Menurut Rubio et al. (2003), definisi pakar terdiri daripada kategori profesional dan pakar lapangan. Namun, di dalam kajian ini pengkaji hanya melantik pakar profesional daripada universiti-universiti terkemuka di Malaysia yang terlibat memiliki beberapa kriteria yang telah ditetapkan iaitu: i) mempunyai kelulusan PhD di mana-mana universiti, ii) berkepakaran dalam bidang yang dinilai, iii) aktif di dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan serta iv) mendapat persetujuan pakar sendiri untuk terlibat dalam penilaian instrumen.

Menurut Hasnah et al. (2018), panel yang dilantik perlu diberikan borang penilaian untuk menguji kesesuaian item sama ada “item sesuai dikekalkan”, “item sesuai dikekalkan tetapi dengan penambahbaikan” atau “item tidak sesuai dan digugurkan” (Zainudin, 2012; Habsah et al., 2018). “Item sesuai dikekalkan” merujuk kepada item yang mengukur aspek dan konstruk, “item yang tidak sesuai dan digugurkan” adalah item yang tidak bersesuaian mengukur konstruk instrumen yang dibina manakala “item yang sesuai dikekalkan tetapi dengan penambahbaikan” adalah item yang juga mengukur aspek dan konstruk yang diuji namun memerlukan penambahbaikan dari struktur ayat dan sebagainya.

Bagi menilai kesahan kandungan secara menyeluruh berdasarkan penilaian pakar, pencapaian kesahan kandungan bagi instrumen ini juga telah menggunakan formula yang dikemukakan oleh Tuckman dan Waheed (1981) serta Jamaludin (2004) iaitu menggunakan formula frekuensi dan peratus persetujuan bagi setiap aspek dan item. Menurut Tuckman dan Waheed (1981), aras pencapaian 70 peratus dianggap telah mencapai tahap pencapaian yang tinggi. Jumlah skor pakar mestilah perlu diselaraskan dengan skor maksimum. Daripada 27 item yang dibina, (5 pakar x 3 skala dua mata (*likert scale* 0,1,2) = 10). Berdasarkan Tuckman dan Waheed (1981), formula yang telah digunakan untuk pengiraan kesahan kandungan adalah;

$$\frac{\text{Jumlah skor pakar (X)} \times 100\%}{\text{Skor Maksimum}}$$

Jadual 2: Kesahan Kandungan Bagi Instrumen Nilai Sosial

Bil	Item	Peratus	Tahap	Diterima/ Digugurkan
KEBAJIKAN				
1	Saya seorang yang rajin membantu orang lain	90%	Tinggi	Diterima
2	Saya seorang yang ikhlas menolong orang yang memerlukan pertolongan	70%	Tinggi	Diterima

3	Saya seorang yang peduli kebaikan orang lain	70%	Tinggi	Diterima
4	Saya seorang yang setia	20%	Rendah	Digugurkan
5	Saya merasakan satu tanggungjawab untuk menyumbang kepada kepentingan masyarakat	70%	Tinggi	Diterima
KEUNIVERSALAN				
6	Saya selalu berfikiran terbuka dalam apa jua situasi yang saya hadapi	90%	Tinggi	Diterima
7	Saya suka memerhatikan keindahan alam semulajadi untuk mendapat ketenangan	70%	Tinggi	Diterima
8	Saya sentiasa menghormati pandangan rakan-rakan dari bangsa lain	70%	Tinggi	Diterima
9	Saya cenderung menonton filem yang berunsurkan patriotik	80%	Tinggi	Diterima
10	Saya percaya semua orang berhak diberi layanan dan keistimewaan yang sama rata	80%	Tinggi	Diterima
11	Saya suka jika saya dapat membuat keputusan sendiri dalam hidup saya	80%	Tinggi	Diterima
12	Saya sering bersatu dengan alam semulajadi	10%	Rendah	Digugurkan
13	Saya mementingkan perlindungan persekitaran	40%	Rendah	Digugurkan
KESELAMATAN				
14	Saya suka tinggal di dalam sebuah negara yang harmoni	100%	Tinggi	Diterima
15	Saya sentiasa memastikan keluarga saya berada dalam keadaan yang selamat	100%	Tinggi	Diterima
16	Saya cenderung mematuhi arahan kerajaan demi memelihara keharmonian dengan orang lain	80%	Tinggi	Diterima
17	Saya sentiasa memastikan rumah saya berada dalam keadan yang tersusun rapi	80%	Tinggi	Diterima
18	Saya selalu menolong orang lain demi memelihara keselamatan bersama	20%	Rendah	Digugurkan

KEAKURAN				
19	Saya sentiasa mematuhi arahan-arahan dari pihak berkuasa	70%	Tinggi	Diterima
20	Saya sentiasa menghormati ibu bapa saya kerana ia merupakan satu kewajipan	90%	Tinggi	Diterima
21	Saya akur kepada peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat dan juga institusi	80%	Tinggi	Diterima
22	Saya seorang yang mengamalkan kesopanan dan kesusilaan	70%	Tinggi	Diterima
TRADISI				
23	Saya menghormati budaya dan agama keluarga saya	100%	Tinggi	Diterima
24	Kepercayaan budaya dan agama keluarga saya menjadikan saya seorang yang rendah diri	70%	Tinggi	Diterima
25	Saya menerima budaya orang lain sebagai sebahagian hidup saya	20%	Rendah	Digugurkan
26	Menjadi satu kebiasaan bagi saya mengamalkan tradisi keluarga	70%	Tinggi	Diterima
27	Saya besederhana dalam melakukan amalan tradisi	80%	Tinggi	Diterima

Berdasarkan kepada Jadual 3, pengkaji mendapati sebanyak lima item perlu digugurkan kerana bercanggah dengan nilai yang dikemukakan oleh Tuckman dan Waheed (1981). Di dalam konstruk kebajikan, item 4 iaitu “Saya seorang yang setia” telah digugurkan kerana mendapat skor kesahan kandungan yang rendah iaitu 20%. Manakala di dalam konstruk keuniversalan pula, item 12 iaitu “Saya sering bersatu dengan alam semulajadi” dan item 13 “Saya mementingkan perlindungan persekitaran” juga telah digugurkan kerana masing-masing mempunyai skor kesahan kandungan yang rendah iaitu 10% dan 40%. Seterusnya, item 18 iaitu “Saya selalu menolong orang lain demi memelihara keselamatan bersama” di dalam konstruk keselamatan juga turut digugurkan. Diikuti dengan item 25 iaitu “Saya menerima budaya orang lain sebagai sebahagian hidup saya” di dalam konstruk tradisi juga digugurkan kerana masing-masing tidak mencapai tahap pencapaian kesahan kandungan yang tinggi (Tuckman & Waheed, 1981; Jamaludin, 2004). Maka, kesemua item-item ini telah digugurkan.

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan bahawa kesahan kandungan instrumen berdasarkan konstruk ini adalah baik dan tinggi berdasarkan penilaian pakar.

Nilai kesahan kandungan untuk 22 item yang dikekalkan setelah 5 item digugurkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Nilai persetujuan antara pakar nilai berdasarkan Tuckman dan Waheed (1981)

Konstruk	Pencapaian Kesahan Kandungan	Pandangan Pakar
Kebajikan	20/22 x 100% = 90%	Tinggi
Keuniversalan	20/22 x 100% = 90%	Tinggi
Keselamatan	21/22 x 100% = 95.5%	Tinggi
Keakuran	20/22 x 100% = 90%	Tinggi
Tradisi	21/22 x 100% = 95.5%	Tinggi
KESELURUHAN	92.2%	Tinggi

Keputusan Kesahan Konstruk

Data juga dianalisis menggunakan Analisis Penerokaan Faktor (*Exploratory Faktor Analysis*, EFA) dalam meneroka struktur faktor di dalam skala. Hair et al. (2010) menyatakan analisis penerokaan faktor adalah untuk melihat item-item yang digunakan dalam sesebuah soal selidik dapat dikelaskan mengikut struktur faktor-faktor tertentu. Justeru, ia juga bertujuan untuk menilai ketepatan analisis yang seterusnya.

Instrumen ini telah dianalisis menggunakan teknik analisis komponen utama (*Principal Component Analysis*, PCA) dan putaran *varimax* untuk menguji data yang diperolehi dalam kajian ini. Analisis faktor digunakan oleh pengkaji bagi mengenalpasti, mengurang dan menyusun item-item soal selidik dalam konstruk tertentu. Sebelum melakukan analisis faktor, ujian *Barlett's Test of Sphericity* adalah digunakan ntuk menenalpasti sama ada korelasi antara item mencukupi untuk melakukan analisis faktor. Berdasarkan Jadual 4, keputusan ini menunjukkan nilai signifikan, $p < .05$ menunjukkan bahawa korelasi item-item adalah mencukupi untuk melakukan analisis faktor. Jadual 4 menunjukkan nilai ujian KMO iaitu .751 iaitu nilai yang melebihi saranan Chua (2014) iaitu .05 dan *Barlett's Test of Sphericity* adalah signifikan ($p = .000$) yang menunjukkan tidak terdapat perkaitan antara item.

Jadual 4: Ujian KMO dan Barlett's Test of Sphericity

	Nilai
<i>Kaiser-Meyer- Olkin (KMO)</i>	.751
<i>Barlett's Test of Sphericity (p)</i>	.000

Analisis faktor bagi instrumen nilai sosial ini bermula dengan 27 item, namun setelah mendapat kesahan kandungan daripada pakar menjadikan jumlah item sebanyak 22 item sahaja untuk dilakukan kajian rintis. Berdasarkan Jadual 4, hasil kajian mendapati terdapat beberapa item yang perlu digugurkan lagi iaitu B15, B13, B8, B21 kerana ia merupakan item pelbagai konsep yang digolongkan

ke dalam dua faktor. Ini menjadikan item instrumen ini sebanyak 18 item sahaja yang terletak di dalam tiga faktor. *Rotated Component Matrix* menunjukkan korelasi antara item dengan faktor masing-masing selepas pemutaran *Varimax*. Dalam Jadual 5, hasil analisis faktor mendapati bahawa instrumen ini mempunyai tiga faktor yang menyumbang kepada 42.01% jumlah varians keseluruhan. Nilai eigen adalah 5.59 bagi faktor 1, 1.95 untuk faktor 2 dan 1.69 untuk faktor 3. Peratusan varians (*percentage of variance explained*, PVE) untuk ketiga-tiga faktor adalah baik iaitu 25.42% untuk faktor 1, 8.88% untuk faktor 2 dan 7.72% untuk faktor 3. Faktor 1 dinamakan sebagai konstruk semangat bermasyarakat yang mengandungi 6 item (B18, B1, B2, B4, B14, B17) dengan nilai muatan faktor antara .355 hingga .775. Faktor 2 adalah konstruk hormat menghormati yang mengandungi 6 item juga (B12, B19, B16, B11, B10, B7) dengan nilai muatan faktor .352 hingga .729, manakala faktor 3 adalah nilai kasih sayang turut mengandungi 6 item iaitu (B9, B3, B22, B6, B20, B5) dengan muatan faktor .417 hingga .650. Instrumen ini mempunyai nilai muatan faktor yang baik yang melebihi nilai 0.30 (Wan Sulaiman et al., 2020).

Jadual 5 : Muatan faktor untuk Item Instrumen Nilai Sosial

Item	Muatan Faktor (<i>factor loading</i>)		
	Semangat Bermasyarakat	Hormat Menghormati	Kasih Sayang
Eigen Value= 5.59 , PVE= 25.42%			
B18	.775		
B1	.716		
B2	.685		
B4	.660		
B14	.400		
B17	.355		
Eigen Value= 1.95 , PVE= 8.88%			
B12		.729	
B19		.724	
B16		.618	
B11		.575	
B10		.551	
B7		.352	
Eigen Value= 1.69 , PVE= 7.72%			
B9			.650
B3			.610
B22			.599
B6			.513
B20			.441
B5			.417

Kebolehpercayaan Instrumen

Pengkaji juga turut menguji nilai kebolehpercayaan Instrumen Nilai Sosial ini menggunakan analisis kebolehpercayaan alfa Cronbach. Jadual 6 menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen ini adalah tinggi antara .632 hingga .739. Nilai alfa Cronbach bagi keseluruhan instrumen ini adalah .806 iaitu kebolehpercayaan tinggi. Ia selari dengan Zainudin (2016) yang menyatakan nilai alfa Cronbach melebihi 0.70 adalah baik. Menurut Faizal et al. (2015), julat antara 0.00 hingga 1.00 merupakan tahap kebolehpercayaan kajian dengan menggunakan pentafsiran Alfa Cronbach dan sekiranya julat menghampiri 1.00, ia menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dan baik manakala julat nilai menghampiri 0.00 mempunyai tahap kebolehpercayaan yang rendah. Jadual 6 menunjukkan nilai kebolehpercayaan instrumen hasil daripada kajian rintis yang telah dilakukan oleh pengkaji.

Jadual 6: Nilai Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Instrumen Nilai Sosial

Skala	Bilangan Item	Nilai Kebolehpercayaan
Semangat Bermasyarakat	6	.739
Hormat Menghormati	6	.697
Kasih Sayang	6	.623
Nilai Sosial (Keseluruhan)	18	.806

PERBINCANGAN

Hasil kajian ini telah membentuk skala untuk mengukur nilai sosial yang mengandungi 18 item melalui tiga konstruk. Konstruk pertama adalah nilai semangat bermasyarakat menunjukkan nilai eigen dan peratusan varian yang paling tinggi. Ini menunjukkan semangat bermasyarakat memainkan peranan yang penting dalam membentuk nilai sosial remaja yang baik. Ia selari dengan kajian Mohamad Khairi et al. (2015), yang mendapati nilai semangat bermasyarakat remaja adalah berada pada tahap sederhana tinggi dalam kalangan remaja. Tajul (1993) menyatakan semangat bermasyarakat adalah bersedia melakukan sesuatu untuk kepentingan bersama dalam mencapai keharmonian masyarakat seperti bermuafakat, kerajinan dan peka terhadap isu-isu sosial dalam masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji mendapati item-item seperti "Remaja yang rajin membantu orang lain" "Membantu orang lain yang memerlukan pertolongan", "Bertanggungjawab dalam menyumbang kepada kepentingan masyarakat" "Akur kepada peraturan yang ditetapkan oleh masyarakat" serta "Mengamalkan kesopanan dan kesusilaan" dapat membantu para remaja untuk mengurangi masalah tingkah laku delinkuen. Ini perlu dipupuk secara holistik bermula dari lingkungan rumah sehingga komuniti. Ia selari dengan pandangan Asmah (2005) yang berpendapat bahawa komuniti merupakan unsur yang penting dalam melahirkan suasana aman dalam sesebuah negara. Namun, kini kepesongan komuniti tidak lagi mengamalkan nilai-nilai yang positif sehingga

memberi impak dalam diri remaja. Rahman (2016) mendapati telah wujud pemisahan dan segregasi sosial dalam kelompok masyarakat menyebabkan berlakunya jurang sehingga menyebabkan masalah dalam membentuk nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat. Suasana yang harmoni juga boleh diwujudkan melalui pengalaman nilai yang baik dalam masyarakat. (Zakaria et al., 2012).

Konstruk kedua yang diperoleh daripada dapatan kajian adalah nilai hormat menghormati. Item-item seperti “Saya sentiasa menghormati pandangan rakan-rakan dari bangsa lain”, “Saya berasa gembira jika saya dapat membuat keputusan sendiri dalam hidup saya”, “Saya suka tinggal di dalam sebuah keluarga yang harmoni”, “Saya sentiasa memastikan rumah keluarga saya berada dalam keadaan keadaannya yang tersusun rapi”, “Saya sentiasa menghormati ibu bapa saya kerana ia merupakan satu kewajipan” serta “Saya menghormati budaya dan agama keluarga saya” menunjukkan item yang signifikan dalam diri remaja. Ia selari dengan kajian Mohamad Khairi (2015) dan Yahya (2003) yang mendapati nilai hormat menghormati remaja adalah berada pada tahap tinggi dalam kalangan remaja. Nilai hormat menghormati ini adalah suatu perasaan menghargai dan memuliakan individu atau institusi sosial melalui layanan yang baik dan sopan (Tajul, 1993). Nilai sosial seperti hormat akan ibu bapa, guru, rakan, pemimpin, raja dan negara, kepercayaan dan adat resam serta keperibadian individu merupakan indikator penting dalam diri remaja. Shaffer (2005) menyatakan keluarga merupakan faktor pelindung di mana komunikasi dan perapatan yang baik dengan ahli keluarga turut diperlukan dalam diri remaja. Nilai hormat menghormati boleh dipupuk melalui keharmonian dan komunikasi yang betul dalam keluarga (Yi et al., 2010). Shaffer (2005), menyatakan pada peringkat remaja, rakan sebaya merupakan salah satu institusi sosial yang sangat signifikan kepada mereka. Samsudin (1992) pula mendapati kesalahan yang banyak dilakukan akan menjejaskan perapatan dalam perhubungan rakan sebaya. Ia turut menyebabkan remaja menjadi agresif apabila berhadapan dengan pengasingan rakan sebaya kerana rakan sebaya boleh memberi pengaruh yang positif dan kadang kala negatif (Took, 2004; & Bilderaya, 2004).

Konstruk terakhir adalah nilai kasih sayang. Ia merujuk kepada satu perasaan cinta, kasih sayang mendalam yang lahir dari hati yang rela terhadap sesuatu tanpa sebarang unsur kepentingan diri antaranya sayang kepada nyawa, alam sekeliling, negara dan keamanan serta keharmonian (Tajul 1993). Item yang signifikan dalam diri remaja berdasarkan instrumen ini adalah “Saya seorang yang pedulikan kebajikan orang lain”, “Saya selalu berfikiran terbuka dalam apa jua situasi yang saya hadapi”, “Saya suka memerhatikan keindahan alam semulajadi untuk mendapat ketenangan”, “Saya percaya semua orang berhak diberi layanan dan keistimewaan yang sama rata”, “Kepercayaan budaya dan agama keluarga saya menjadikan saya seorang yang rendah diri” dan “Saya besederhana dalam melakukan amalan tradisi.” Ini menunjukkan orientasi nilai kolektivistik masih kuat diamalkan di Malaysia sehingga kini. Ia selaras dengan dapatan Asmah dan Iran (1989) yang mendapati kebanyakan pelajar masih mengamalkan nilai kemasyarakatan walaupun belajar di luar negara. Sebaliknya, penyebab hilangnya nilai kasih sayang dalam masyarakat adalah berpunca daripada sikap individualistik dan mementingkan diri sendiri sehingga

terhakisnya nilai yang baik dalam kalangan keluarga, masyarakat dan negara (Abd. Hadi, 2004). Nilai sosial yang terbentuk ini telah dipelajari daripada pendidikan informal sejak kecil. Ia selari dengan dapatan Bhasah dan Akma (2004) yang mendapati rasa kasih dan sayang kepada alam sekeliling, agama dan negara perlu dipupuk sejak kecil kerana didikan dan kesedaran daripada masyarakat sendiri yang menjadikan remaja tersebut mempunyai masalah disiplin namun masih tahu mengamalkan nilai yang baik secara sukarela di hati mahupun paksaan daripada ibu bapa.

Ketiga-tiga konstruk di atas merupakan konstruk yang sangat penting dalam diri remaja. Dapatan kajian menunjukkan remaja tersebut masih mempunyai pegangan nilai sosial yang kuat. Namun disebabkan oleh jangkauan masyarakat yang negatif menjadikan mereka mudah terjebak ke arah yang tidak sepatutnya. Remaja sering dianggap tidak berakhlak, tiada pertimbangan dan pelbagai ciri negatif yang lain (Lihanna, 2001). Zakaria et al. (2012) menyatakan kewujudan *self fulfilling prophecy* iaitu manusia akan melakukan sesuatu yang dijangka mereka akan lakukan sehingga berlakunya jangkauan yang tidak berasas akan menimbulkan tindakan yang diharapkan (Madone et al., 2006; Feldman, 2011). Zaman remaja merupakan proses transisi daripada kanak-kanak ke alam dewasa dan mereka berhadapan dengan ejen sosialisasi yang lebih besar selain daripada ibu dan bapa. Berdasarkan Bronfenbrenner dan Morris (2006), kanak-kanak mendapat pendidikan awal melalui persekitaran yang melibatkan ibu bapa, guru dan komuniti. Pengaruh ibu bapa dalam fasa mendidik anak-anak adalah sangat kritikal kerana ia melibatkan proses pembelajaran tidak formal di dalam rumah yang dikenali sebagai mikrosistem. Perkembangan nilai dan moral sangat dititikberatkan iaitu ibu bapa perlu membentuk tanggapan, perasaan dan tingkahlaku berdasarkan peraturan tentang apa yang sepatutnya individu lakukan apabila berinteraksi dengan individu lain (Santrock, 2008). Menurut Latifah et al. (2012) kanak-kanak mempelajari sesuatu pendidikan adalah hasil daripada penglihatan dan pendengarannya. Pendedahan yang baik seawal umur ini dapat membantu mereka memperkembangkan sahsiah diri dan nilai yang baik di dalam masyarakat. Knight et al. (2016) berpendapat didikan keluarga sangat berkait rapat dengan nilai yang membawa kepada pembentukan tingkah laku prososial remaja. Sebaliknya, menurut Azyyati et al. (2013), antara faktor awal pembentukan tingkah laku berisiko remaja melibatkan faktor-faktor persekitaran keluarga, rakan sebaya, kejiwaan, persekolahan dan kemiskinan serta pengalaman awal ketika peringkat kanak-kanak dan remaja sehingga remaja tersebut menjadi bermasalah tingkah laku delinkuen seperti ketagihan dadah dan alkohol, gengsterisme, pelacuran, serangan seks dan kemurungan sehingga membawa kepada masalah membunuh orang atau bunuh diri. Ini disebabkan individu bukan hanya berfungsi terhadap persekitaran tetapi dipengaruhi oleh persekitaran (Bronfenbrenner & Morris, 2006).

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan secara statistik bahawa item-item dalam instrumen nilai sosial mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik untuk

mengukur nilai sosial remaja yang berumur 13 tahun hingga 17 tahun. Instrumen ini juga merupakan instrumen yang baharu dan boleh digunakan untuk lebih memahami remaja berisiko dan remaja delinkuen. Instrumen ini juga boleh digunakan sebagai alat ujian dalam mengukur dan menaksir nilai dan tingkah laku remaja daripada nilai dominan yang telah terbentuk dalam diri. Nilai yang menjadi keutamaan dalam diri remaja adalah pusat kepada konsep sendiri. Kepentingan instrumen ini dapat memberikan manfaat kepada pelbagai pihak terutamanya guru-guru dalam memahami pendirian dan kepercayaan remaja dan membantu guru-guru dalam pembentukan komunikasi yang baik dengan remaja. Intervensi juga dapat dijalankan dengan lebih awal sekiranya mendapati bahawa remaja ini mempunyai masalah nilai sosial.

Remaja di dalam kajian ini masih mempunyai nilai sosial yang baik dari segi nilai semangat bermasyarakat, nilai hormat menghormati dan nilai kasih sayang. Walau bagaimanapun, kewujudan stigma dalam masyarakat selalunya menjadi punca masalah sosial remaja. Faktor persekitaran sosial terutamanya ibu bapa, rakan sebaya, guru, komuniti, masyarakat dan negara perlu memainkan peranan yang penting dalam membantu remaja membentuk nilai diri yang unggul. Ini menunjukkan, tindakan secara holistik oleh semua pihak perlu dilakukan melalui pembelajaran sosial seperti permodelan, peneguhan dan galakan yang baik daripada setiap sudut demi menjamin pembentukan dan pemupukan nilai sosial yang baik dalam kalangan remaja. Jika semua pihak memainkan peranan yang baik, kita dapat membantu remaja membentuk identiti diri yang baik serta memupuk nilai yang baik di dalam diri mereka. Masyarakat yang bertamadun adalah masyarakat yang mampu mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan harian.

RUJUKAN

- Abd Hadi, Z. (2004). Ketiadaan Reaksi Masyarakat Terhadap Kelakuan Anti Sosial. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 3(1), 71–82.
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). (2019). *Statistik Dadah*. <https://www.adk.gov.my/en/public/drugs-statistics/> [30 Mei 2021]
- Asmah, A. (2005). Kualiti hidup dan pengurusan persekitaran di Malaysia. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Persekitaran 2005*. Universiti Kebangsaan Malaysia. 4–5 July.
- Aksorn, T., & Hadikusumo, B. H. W. (2007). Gap Analysis Approach for Construction Safety Program Improvement. *Journal of Construction in Developing Countries*, 12(1), 77–97.
- Asmah, B., M. N., & Iran, H. (1989). Perbezaan Sistem Nilai: Kajian perbandingan dikalangan pelajar remaja Amerika dan Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 5, 81-92.
- Azhar, A. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Bangi: UKM.
- Azyyati M. N., Fariza, M. S., & Salasiah, H. H. (2013). Ciri-Ciri Remaja Berisiko: Satu Kajian Literatur. *Islammiyat*, 35(1): 111-119.

- Baheiraei, A., Khoori, E., Ahmadi, F., Foroushani, A. R., Ghofranipour, F., & Weiler, R. M. (2013). Psychometric Properties of the Adolescent Health Concern Inventory: The Persian Version. *Iranian Journal of Psychiatry*, 8(1), 28–36.
- Barney, J. (1991). Firm resources and sustained competitive advantage. *Journal of Management*, 17 (1), 99–120.
- Bhasah & Akma. (2004). Peranan Nilai dan Perlakuan Pelajar Sekolah Menengah. <http://repo.uum.edu.my/1897/1/44.pdf> [3 November 2019]
- Bilderaya, R. E. (2004). *Juvenile delinquency: Cause and effect*. <http://www.correction.com>. [28 Mei 2021]
- Braithwaite, V. A., & Law, H. G. (1985). Structure of human values: Testing and adequacy of the Rokeach Value Survey. *Journal of Personality and Social Psychology*, 49(1), 250-265.
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (2006). The ecology of human development. Dalam Damon, W., & Lerner, R. *Handbook of Psychology*. (6th Ed). Ner York: Wiley.
- Che Nidzam, C. A., Mohd Faizal, N. L. A, Asmayati, Y., & Noraini M. N. (2014). Pembinaan dan pengesahan Instrumen Penilaian Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Sains (IPFBDS). *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 4(2), 14-26.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 5: Ujian Regresi, Analisis Faktor, dan Analisis SEM*. (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Ciarrochi, J., Heaven, P. C. L., & Davies, F. (2007). The Impact of Hope, Self-Esteem and Attributional Style on Adolescents' School Grades and Emotional Well-Being: A Longitudinal Study. *Journal of Research in Personality*, 41(6), 1161–1178.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. 3rd ed. US: Sage Publications, Inc.
- Doring, A. K. (2010). Assessing Children's Values: An Exploratory Study. *Journal of Psychoeducational Assessment*, 28(6), 564-577.
- Faizal, A. N. Y., Nabilah A. S., Jamil, A. B., Saiful, H. M., Mohd Fairuz, M., & Mohd Bakeri, R. (2015). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kompetensi Pengajar TVET Terhadap Pengajaran Teknikal Berdasarkan Pendekatan Model RASCH. *Online Journal For TVET Practitioners*, 2(2): 1-9.
- Faizal, M. N. L. A. & Wei, L. T. (2017). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(1), 211-265.
- Gillham, B. (2000). *Case study research methods*. London: Bloomsbury Academic.
- Feldman, R. S. (2011). *Understanding psychology*. (10th Edition). New York: McGraw-Hill
- Habsah, M., Nanthakumar, L., Zainudin, A., Hashim, J., & Zaharah, S. B. (2018). *Application of theory, methodology, and analysis in conducting research*:

- A practical guide to quantitative research and thesis writing*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate Data Analysis*. (7th ed). Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Halman, L., & deMoor, R. A. (1994). *The individualizing society: Value change in Europe and North America*. Tilburg: Tilburg University Press.
- Hussin, S. (1989). *Pengajaran nilai dalam kurikulum*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Inglehart, R. (1997). *Modernization & postmodernization: Cultural, economic & political change in 43 Society*. United States: Princeton University Press.
- Ishra, S. M., & Anda, S. P. (2007). Development and Factor Analysis of an Instrument to measure Faculty Attitude towards e-Learning. *Asian Journal of Distance Education*, 5(1), 27–33.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2018). Buku Statistik 2016. https://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/inlay_statistik_v5_final.pdf [1 Jun 2021]
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). Statistik kanak-kanak Malaysia, 2016. <https://www.dosm.gov.my> [17 April 2018]
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). Laporan Akhbar Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah 2016. <https://www.dosm.gov.my> [31 Julai 2021]
- Jardim, M. H. A. G, Junior, G. B. S & Alves, M. L. S. D. (2017). Values in students of higher education. *Creative Education*, 1682-1693.
- Johnson, C., Burke, C., Brinkman, S., & Wade, T. (2016). Effectiveness of a School-Based Mindfulness Program for Transdiagnostic Prevention in Young Adolescent. *Behaviour Research and Therapy*, 81, 1-11.
- Joseph, C. (1997). The effect of academic self-concept and value system on the academic achievement of Malaysia form four students in a Junior Science College. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 15, 73-87.
- Jovkovska, A. & Barakoska, A. (2014). The Role of Education In The Formation of Values And Value Orientations Among Adolescents. *International Journal of Cognitive Research in Science, Engineering and Education*, 2(2), 1-8.
- Karppinen, H., & Karhonen, M. (2013). Do Forest Owners Share The Public's Values? An Application Of Schwartz's Value Theory. *Silva Fennica*, 47(1), 894.
- Knight, G. P., Carlo, G., Mahrer, N. E., & Davis, A. N. (2016). The Socialization of Culturally Related Values and Prosocial Tendencies Among Mexican-American Adolescents. *Journal of Child Development*, 87(6), 1758-1771.
- Lawshe, C. H. (1975). A Quantitative Approach To Content Validity. *Personnel Psychology*, 28(4), 563–575.
- Lihanna, B. (2001). Persepsi Nilai Etika dan Idealisme Remaja Malaysia. Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, 22-23 Mei.
- Livazovic, G., & Jukic, R. (2017). Adolescent Values and Risk Behaviour: Predicting Developmental Paths in Youth. 4th International

- Multidisciplinary *Scientific Conference on Social Sciences and Arts SGEM 2017 Proceeding*, 24-30 August 2017.
- Madone, S., Willard, J., & Guyll, M. (2006). Self-Fulfilling Prophecy Effects of Mother's Beliefs on Children's Alcohol Use: Accumulation, Dispatation, and Stability Over Time. *Journal of Personality and Social Psychology*, 90, 911-926.
- Marcia, J. E. (2002). Identity and Psychosocial Development in Adulthood. *Identity*, 2, 7-28.
- Matore, E. M., Idris, H., Rahman, N. A., & Khairani, A. Z. (2017). Kesahan Kandungan Pakar Instrumen IKBAR Bagi Pengukuran AQ Menggunakan Nisbah Kesahan Kandungan. *Proceeding of International Conference on Global Education*, 10-11 April 2017. m/s: 979-997
- Mohd. Adli, I. (2010). Pengaruh budaya Hedonisme dalam kalangan Pelajar-pelajar Islam: Satu kajian di SMK Tengku Idris Shah, Kapar, Klang. Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi Ijazah Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya.
- Mohamad Khairi, O., Asmawati, S., & Samsilah, R. (2015). Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 1-20.
- Mohamad Khairi, O. (2013). Keperluan Penghayatan Nilai Dalam Pembangunan Akhlak dan Moral Pelajar. *Prosiding Haloqah Nasional & Seminar Internasional Pendidikan Islam*. 444- 459.
- Pearson, R. H., & Mundform, D. J. (2010). Recommended Sample Size for Conducting Exploratory Factor Analysis on Dichotomous Data. *Journal of Modern Applied Statistical Methods*, 9(2), 359-368.
- Perez-Brena, N. J., Updegraff, K. Y. A., & Umana-Taylor, A. J. (2015). Transmission of Cultural Values among Mexican-Origin Parents and Their Adolescent and Emerging Adult Offspring. *Family Process*, 54, 232-246.
- Rahman, A. A., Ahmad, A. R., Malek, J. A., & Awang, M. M. (2016). Penglibatan Sosial dan Pembudayaan Nilai Murni melalui Pembelajaran Tidak Formal dalam kalangan Penduduk Bandar Putrajaya. *Kajian Malaysia*, 34(2), 75-100.
- Reynolds, C. R., & Livingston, R. B. (2012). *Mastering modern psychological testing: Theory and methods*. USA: Pearson Education, Inc.
- Rohan, M. J. (2000). A rose by any name? The values construct. *Personality and Social Psychology Review*, 4, 255-277.
- Rokeach, M. (1973). *The nature of human values*. New York: Free Pres.
- Rubio, D. M., Berg-Weger, M., Tebb, S., Lee, E. S., & Rauch, S. (2003). Objectifying Content Validity: Conducting A Content Validity Study in Social Work Research. *Social Work Research*, 27(2), 94-105.
- Samsudin, A. R. (1992). *Isu Remaja Dan Gejala Sosial: Potensi Komunikasi Pembangunan*. Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Santrock, J. W. (2008). *Essentials of Life-Span Development*. United States: McGraw-Hill International Edition.

- Schwartz, S. H., & Bilsky, W. (1987). Toward a universal psychological structure of human values. *Journal of Personality & Social Psychology*, 53(3), 550–562.
- Schwartz, S. H. (2005). Robustness and fruitfulness of a theory on universals in individual human values, Dalam Tamayo, A. & Porto, J.B. (Eds), *Valores e trabalho (Values and Work)*, Editora Universidade de Brasilia, Brasilia, 56-95.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research method for business: A skill building approach*. (5th Ed.). USA: John Wiley & Sons. Inc.
- Shaffer, D. R., & Kipp, K. (2010). *Developmental psychology: Childhood and adolescent*. (8th Ed.). USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Shoba, S., & Kala, N. (2015). Value education towards empowerment of youth- a holistic approach. *Journal of Social and Behavioral Sciences*, 172, 192-199.
- Stangor, C. (2015). *Research methods for the behavioural sciences*. (5th Ed.). UK: Cengage Publication.
- Tajul, A. N. (1993). *Perspektif falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Telzer, E. H., Gonzales, N., & Fuligni, A. J. (2014). Family Obligation Values and Family Assistance Behaviour: Protective and Risk Factors for Mexican-American Adolescents Substance Abuse. *Journal of Youth Adolescent*, 43, 270-283.
- Took, K. J. (2004). *Defining peer pressure*. <http://www.kidshealth.org> [30 Mei 2021]
- Toner, E., Haslam, N., Robinson, J., & Williams, P. (2012). Character Strengths and Wellbeing in Adolescence: Structure And Correlates of The Values in Action Inventory of Strengths for Children. *Personality and Individual Differences*, 1-6.
- Torres, C. V, Schwartz, S. H., & Nascimento, T. G. (2016). The Refined Theory of Values: Associations with behavior and evidences of discriminative and predictive validity. *Psicol. USP*. 27 (2). <https://doi.org/10.1590/0103-656420150045>
- Tuckman, B. W., & Waheed, M. A. (1981). Evaluating an Individualized Science Programme for Community College Students. *Journal of Research in Science Teaching*. 18, 489-495.
- Tuulik, K., Ounapuu, T., Kuimet, K., & Titov, E. (2016). Rokeach's instrumental and terminal values as descriptors of modern organization values. *International Journal of Organizational Leadership*, 5, 151-161.
- Verma, V., & Talawar, M. S. (2016). Value Pattern Among Adolescents: Trends and Possibilities. *International Journal of Applied Research*, 2(6), 704-706.
- Wan Sulaiman, W. S., Abd Rahim, A. I. F. C., & Halim, F. W. (2021). Psychometric Properties of The Public Service Motivation Scale Among Malaysian Public Service Officials. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 11(1), 454-465.

- Woodward, I. C., & Shaffakat, S. (2014). Understanding values for insightfully aware leadership. INSEAD Working Paper.
- Yahya, B., & Rozita, S. (2003). Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan Semasa Menjalankan Kerja Amali Bengkel. *Jurnal Teknologi*, 39, 63–76.
- Yi, S., Poudel, K. C., Yasouka, J., Palmer, P. H., Yi, S., & Jimba, M. (2010). Role of Risk and Protective Factors In Risky Sexual Behavior Among High School Students In Combodia. *Journal of BioMed Central*, 10, 447-454.
- Zainudin, A. (2012). *Research Methodology and Data Analysis*. (2nd Ed.). UiTM Press.
- Zainudin, A. (2016). *SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Model*. Bangi: MPWS Rich Publication
- Zakaria, S., Ahmad Munawar, I., & Noranizah, Y. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.
- Zamli, T., Ruslin, A., & Saemah R. (2014). Pembinaan Instrumen Jati Diri Pelajar Sekolah Menengah di Malaysia. Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR. 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah.
- Zurina, M., & Hukil, S. (2006). Hubungan Nilai Dengan Alam Sekitar Dengan Nilai Peribadi: Satu Analisa. *Jurnal Pengajian Umum*, Bil 7.